

03/02/2004

`Jangan ganggu murid belajar'

LANGKAWI: Tun Dr Mahathir Mohamad membidas Pas kerana berkempen di kalangan murid sekolah rendah dan menyifatkan parti itu sanggup melakukan apa saja untuk mendapatkan undi.

Sambil menyifatkan Pas sebagai parti yang `tidur, makan dan berfikir untuk mendapatkan undi', Dr Mahathir berkata, beliau sedih membaca laporan akhbar mengenai tindakan parti pembangkang itu yang sanggup mempengaruhi kanak-kanak dengan menjual peralatan menulis berlambangkan parti itu di sebuah sekolah di Sik.

Beliau berkata, Umno tidak pernah berkempen mendapat sokongan daripada penuntut universiti kerana percaya institusi pendidikan, termasuk sekolah dan murid perlu bebas daripada politik.

"Jangan ganggu murid. Biarkan mereka belajar. Sebaliknya, Pas melihat semua perkara sebagai peluang untuk memancing undi. Orang mati dan mereka yang dirogol juga diambil kesempatan oleh mereka untuk memancing undi.

"Saya tak tahu. Mungkin depa ni gila undi. Mereka tidur, makan dan berfikir untuk mendapatkan undi. Orang kehilangan anak dan mereka melihatnya sebagai peluang menambah undi," katanya selepas melawat kolam menternak udang harimau Sumber Nadi Alam Snd Bhd, di Bukit Malut, di sini semalam.

Dr Mahathir berkata, beliau sedih dengan sikap Pas itu kerana kanak-kanak tidak harus diganggu daripada menuntut ilmu.

"Apabila mereka sudah besar nanti, barulah tanya sama mereka mahu menyertai Pas atau tidak," katanya.